

JABATAN KORPORAT
TARIKH: 09.07.2025 MASA: 10.00AM
MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERUSAHA TUAN MOHD IBRAHIM BIN MD NOR
SETIAUSAHA BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**PROGRAM 7P'S (*PEOPLE, PUBLIC, PRIVATE,
PHILANTHROPHY, PHILOSOPHER, PLANET,
PARTNERSHIP*) DENGAN KERJASAMA PIHAK
CITADINES**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**10 JULAI 2025 (KHAMIS)
8.30 PAGI**

**TAMAN REKREASI PBAPP BUKIT D.O.
SEBERANG PERAI TENGAH**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

- 1. Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim Bin Md Nor**
Setiausaha Bandaraya
Majlis Bandaraya Seberang Perai

 - 2. Yang Berusaha Encik Lee Boon Kae**
Pengurus Besar Citadines

 - 3. Yang Dihormati Whip Ahli Majlis dan Ahli-Ahli Majlis**
Majlis Bandaraya Seberang Perai

 - 4. Yang Berusaha Encik LAr. Shaqhrony Bin Md Yusoff @ Jamaludin**
Pengarah Lanskap Merangkap Penyelaras Program 7P'S
Dengan Kerjasama Pihak Citadines

 - 5. Ketua-Ketua Jabatan Majlis Bandaraya Seberang Perai**

 - 6. Rakan-Rakan Media**

 - 7. Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian**
-

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia MADANI,

1. Marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya, kita dapat berhimpun pada pagi yang penuh bermakna ini dalam **Program 7P's (People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet, Partnership)** Dengan Kerjasama Pihak Citadines.
2. Izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Encik Lee Boon Kae, Pengurus Besar Citadines, atas kesudian pihak Citadines menjalin kolaborasi strategik bersama (Majlis Bandaraya Seberang Perai) MBSP dalam menjayakan inisiatif pemuliharaan alam sekitar dan komuniti setempat melalui program tanggungjawab sosial korporat (CSR) ini.
3. Tidak lupa juga, setulus penghargaan saya ucapkan kepada semua hadirin yang hadir pada pagi ini; para sukarelawan Citadines, warga kerja MBSP serta komuniti setempat yang sama-sama turun padang demi menjayakan program yang sarat dengan nilai dan aspirasi kelestarian.

4. Program yang kita laksanakan pada hari ini merangkumi dua (2) lokasi utama: Taman Rekreasi Bukit DO dan Taman Seri Akasia, Seberang Perai Tengah. Di Bukit DO, usaha membaik pulih prasarana awam akan dijalankan melalui kerja mengecat semula tangga utama, pemasangan sistem *water harvesting* serta aktiviti penanaman pokok-pokok palma dan pinang sebagai simbolik kehijauan dan kelestarian. Sementara itu, di Taman Seri Akasia, aktiviti penanaman pokok-pokok palma dan pinang akan turut dilaksanakan. Penanaman pokok-pokok ini merupakan lambang identiti negeri Pulau Pinang, yang bukan sahaja mencerminkan warisan sejarah, malah mengangkat nilai kelestarian alam sekitar yang menjadi teras pembangunan negeri.
5. Usaha ini adalah selaras dengan aspirasi Kempen Penang2030; A *Family-Focused Green and Smart State that Inspires the Nation*, yang berakar daripada dasar *Cleaner, Greener, Safer & Healthier Penang*. Penanaman pokok pinang bukan sekadar usaha menghijaukan landskap, malah membawa mesej yang signifikan dalam memperkuuh identiti negeri yang mengambil ilham daripada nama pokok tersebut serta mengangkat warisan semula jadi.
6. Justeru, saya amat menghargai inisiatif pihak Citadines yang tidak hanya menaja kos kerja-kerja fizikal tetapi turut serta secara langsung dalam aktiviti kemasyarakatan dan pemuliharaan. Komitmen sebegini

mencerminkan nilai sebenar perkongsian antara sektor swasta, awam dan komuniti dalam membina masa depan yang lestari.

7. Sesungguhnya pendekatan 7P's yang menjadi teras program ini; melibatkan rakyat (*People*), pihak awam (*Public*), sektor swasta (*Private*), kegiatan amal (*Philanthropy*), intelektual dan ilmu (*Philosopher*), kelestarian bumi (*Planet*) dan kerjasama strategik (*Partnership*) adalah formula yang tepat dalam menghadapi cabaran global pada masa kini dan akan datang.
8. Saya ingin mengajak lebih banyak syarikat dan institusi untuk mencontohi Citadines dengan melaksanakan program CSR yang bersifat menyeluruh; bukan sahaja kepada manusia, tetapi juga kepada alam sekitar dan warisan tempatan. Ke arah itu, MBSP sentiasa membuka pintu kepada mana-mana pihak yang ingin bekerjasama dalam menjadikan Seberang Perai sebuah bandar yang progresif, berdaya tahan dan berdaya saing.
9. Harapan saya agar program pada hari ini menjadi pemangkin kepada lebih banyak inisiatif hijau yang berimpak tinggi. Semoga nilai murni yang terpancar melalui program ini akan terus mekar dalam minda dan hati kita semua. Kita bina bandar ini bukan sekadar untuk kita, tetapi untuk anak-anak dan cucu-cicit kita kelak.

10. Dengan lafaz ***Bismillahirrahmanirrahim***, saya dengan ini merasmikan Program 7P's dengan Kerjasama Pihak Citadines Penang di Taman Rekreasi Bukit DO dan Taman Seri Akasia, Seberang Perai Tengah.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.